



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	16/1/2020	MUKA SURAT : 12
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Kekang aktiviti pemburuan haram

PDRM dalam proses tarik balik lebih 6,900 lesen senjata api

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menarik balik lebih 6,900 lesen senjata api yang diberi permit memburu sebagai langkah menangani aktiviti pemburuan haram.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, tindakan itu selari dengan misi Op Bersepadu Khazanah dan turut memberitahu bahawa sudah tiba masanya rakyat Malaysia berhenti menjadikan aktiviti memburu sebagai hobi.

“Mereka yang menggunakan senjata api untuk jaga tanaman pun saya tidak galakkan untuk membek, gunalah cara lain untuk halau dan sebagainya.” katanya pada sidang akhbar Op Bersepadu Khazanah di Pusat Latihan



Abdul Hamid (dua dari kiri) pada sidang media Op Bersepadu Khazanah di Pulapool, Kuala Lumpur semalam.

Polis (Pulapool) Kuala Lumpur semalam. Tegasnya, pihaknya dari bahagian pelesenan senjata api akan buat semakan dan memantau kawasan tumpuan atau hotspot bagi memburu sebelum menarik semula lesen secara berperingkat.

Abdul Hamid mendedahkan, terdapat pihak yang menggunakan nama orang kenamaan untuk tujuan menceroboh ke

kawasan larangan bagi memburu.

“Saya sudah keluarkan arahan supaya perkara ini dibuat laporan rasmi supaya tindakan dapat diambil.

“Saya masih menunggu laporan maklumat orang ramai dan badan bukan kerajaan (NGO) tentang sekitarnya terdapat pembabit golongan orang kenamaan (VVIP) dalam perbuatan

memburu secara haram,” katanya.

Op Bersepadu Khazanah turut melibatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia dan Asenapol.

Operasi tersebut bertujuan untuk meningkatkan integriti habitat semula jadi hidupan liar dan membantaras segala bentuk aktiviti pemburuan haram, penyeludupan hidupan liar dan jenayah hidupan liar lain di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

“Pihak Asenapol dengan jelas turut bersedia membantu kita menangani kes sekitarnya tangkapan melibatkan warganegara yang membabitkan dalam kalangan negara ASEAN,” katanya.

Berdasarkan statistik Op Bersepadu Khazanah bagi tahun 2019, sebanyak 56 kes telah direkodkan dengan tangkapan seramai 102 individu yang ditahan atas pelbagai kesalahan memabitkan 43 warga tempatan, China (14), Indonesia (11), Kemboja (10), Bangladesh dan Myanmar masing-masing enam, Vietnam (lima), Filipina (empat) dan Thailand (tiga).